

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI : G29, G32, G36, G40
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,494.00); atau
(ii) diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,847.86).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G32**

10. Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G32 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G36**

11. Penolong Pegawai Pertanian Gred G32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G36 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G40**

12. Penolong Pegawai Pertanian Gred G36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G40 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEGAWAI PERTANIAN
GRED G41**

13. Penolong Pegawai Pertanian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pertanian Gred G41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian yang berkuat kuasa pada 1.7.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2013).